

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Limited. Permission required for reproduction.

Publication: Berita Harian

Date: Friday, 31 May 2019

Page: 15

Headline: "Dekati keluarga bekas banduan sempena Ramadan"

Berita Harian | Jumaat, 31 Mei 2019

Berita



BERI PERHATIAN:
Encik Amrin
(tengah) sempat
beramah mesra
dengan Encik Awie
(nama samaran)
di acara berbuka
puasa kelmarin. -
Foto BH oleh
DESMOND WEE

Dekati keluarga bekas banduan sempena Ramadan

► **FARID HAMZAH**
farid@sph.com.sg

CIK Lin (bukan nama sebenar) bukan sekadar menjaga empat anak kandungnya daripada perkahwinan pertamanya, malah dua anak tiri hasil perkahwinan pertama suaminya.

Malah semasa suaminya, Encik Awie (nama samaran), beberapa kali meringkuk dalam penjara, beliau terus menjalankan tanggung jawabnya itu dengan cukup tabah.

Mujur baginya beliau mendapat sokongan emosi dan kewangan daripada beberapa pihak.

"Selain keluarga kami yang banyak membantu, saya dan anak-anak turut dapat bantuan daripada beberapa pertubuhan," kata suri rumah berusia 38 tahun itu lagi.

Antaranya Pejabat Khidmat Sosial (SSO) dan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) memberi bantuan berupa wang tunai bagi membantunya melalui kehidupan sepanjang tempoh tersebut.

Tahun ini pula salah seorang anaknya yang bakal menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) menerima tuisyen percuma daripada Dana ReGen Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) (IRF).

Suaminya yang telah bebas sejak 2016 dan kini bekerja dalam bidang pengurusan kargo, turut menerima bantuan berupa krusus memandu kren lori tajaan IRF.

"Syukur juga sejak dibebaskan, saya lihat banyak perubahan dalam diri suami saya dan syukur juga sejak dua tahun lalu, kami dapat beraya sama sebagai sebuah keluarga yang lengkap," katanya yang turut menjaga seorang anak istimewa berusia 17 tahun.

Kelmarin, keluarganya merupakan antara 60 bekas banduan berserta keluarga masing-masing yang berkumpul dalam satu acara berbuka anjuran IRF.

Acara itu dianjurkan di bawah Program "Fairy Godparent" (FGP) kendalian IRF.

Acara yang ditaja dan berlangsung di Fika Swedish Cafe and Bistro, di Beach Road itu turut dihadiri Setiausaha Parlimen Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Kesihatan), Encik Amrin Amin.

"Adalah penting bagi keluarga dan masyarakat datang bersama sebagai satu dan menyokong satu sama lain apabila perlu.

"Ini penting bagi individu yang sedang membina semula kehidupan dan masa

depan mereka bersama orang tersayang, apatah lagi dalam bulan Ramadan ini," kata Encik Amrin.

Pengerusi Lembaga Pengurusan IRF, Encik Alex Yeo, berkata:

"Ini merupakan acara berbuka pertama kami dengan penerima. Sebagai sebuah dana amal yang baru ditubuhkan bagi menyokong keluarga, kanak-kanak dan bekas banduan, kami harap agar keluarga tersebut dapat menikmati sambutan tersebut seperti keluarga lain di Singapura. Secara ringkas, kami ingin memberi sedikit kebahagiaan perayaan kepada mereka di bawah jajaan kami."

Di acara tersebut, setiap keluarga turut menerima wang tunai, baucar dan barangan makanan berharga lebih \$100 daripada IRF.

FGP bertujuan menggalak hubungan kekeluargaan dan masyarakat, terutamanya bagi mereka yang menyambut Ramadan buat pertama kali selepas dibebaskan.

Menerusi inisiatif baru itu, IRF berharap keluarga sedemikian boleh menikmati sambutan seperti keluarga lain di Singapura.

Secara purata, FGP mendekati sekitar 350 kanak-kanak dan 100 keluarga setiap tahun. IRF mula diiktiraf sebagai Institusi Bertaraf Awam (IPC) pada 15 Mac lalu.

Text:

'Dekati keluarga bekas banduan sempena Ramadan'

CIK Lin (bukan name sebenar) bukan sekadar menjaga empat anak kandungnya daripada perkahwinan pertamanya, malah dua anak tiri hasil perkahwinan pertama suaminya.

Malah semasa suaminya, Encik Awie (nama samaran), beberapa kali meringkuk dalam penjara, beliau terus menjalankan tanggung jawabnya it dengan cukup tabah.

Mujur baginya beliau mendapat sokongan emosi dan kewangan daripada beberapa pihak.

"Selain keluarga kami yang banyak membantu, saya dan anak-anak turut dapat bantuan daripada beberapa pertubuhan," kata suri rumah berusia 38 tahun itu lagi.

Antaranya Pejabat Khidmat Sosial (SSO) dan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) memberi bantuan berupa wang tunai bagi membantunya melalui kehidupan sepanjang tempoh tersebut.

Tahun ini pula salah seorang anaknya yang bakal menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) menerima tuisyen percuma daripada Dana ReGen Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) (IRF).

Suaminya yang telah bebas sejak 2016 dan kini bekerja dalam bidang pengurusan kargo, turut menerima bantuan berupa kursus memandu kren lori tajaan IRF.

"Syukur juga sejak dibebaskan, saya lihat banyak perubahan dalam diri suami saya dan syukur juga sejak dua tahun lalu, kami dapat beraya sama sebagai sebuah keluarga yang lengkap," katanya yang turut menjaga seorang anak istimewa berusia 17 tahun.

Kelmarin, keluarganya merupakan antara 60 bekas baduan berserta keluarga masing-masing yang berkumpul dalam satu acara terbuka anjuran IRF.

Acara itu dianjurkan di bawah Program "Fairy Godparent" (FGP) kendalian IRF.

Acara yang ditaja dan berlangsung di Fika Swedish Cafe and Bistro, di Beach Road itu turut dihadiri Setiausaha Parlimen Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Kesihatan), Encik Amrin Amin.

"Adalah penting bagi keluarga dan masyarakat datang bersama sebagai satu dan menyokong satu sama lain apabila perlu."

"Ini penting bagi individu yang sedang membina semula kehidupan dan masa depan mereka bersama orang tersayang, apatah lagi dalam bulan Ramadan ini," kata Encik Amrin.

Pengerusi Lembaga Pengurusan IRF, Encik Alex Yeo, berkata:

"Ini merupakan acara terbuka pertama kami dengan penerima. Sebagai sebuah dana amal yang baru ditubuhkan bagi menyokong keluarga, kanak-kanak dan bekas banduan, kami harap agar keluarga tersebut dapat menikmati sambutan tersebut seperti keluarga lain di

Singapura. Secara ringkas, kami ingin memberi sedikit kebahagiaan perayaan kepada mereka di bawah jagaan kami.”

Di acara tersebut, setiap keluarga turut menerima wang tunai, baucar dan barangan makanan berharga lebih \$100 daripada IRF.

FGP bertujuan menggalak hubungan kekeluargaan sedemikian boleh menikmati sambutan seperti keluarga lain di Singapura.

Secara purata, FGP mendekati sekitar 350 kanak-kanak dan 100 keluarga setiap tahun. IRF mula diiktiraf sebagai Institusi Bertaraf Awam (IPC) pada 15 Mac lalu.

Translation:

'Getting close to families of ex-offenders during Ramadan'

Ms Lin (not real name) not only cared for her four biological children from her first marriage, but also two step children from her husband's first marriage.

In fact, during the few times when her husband Mr Awie (pseudonym) was in prison, she dutifully carried out her responsibility with courage.

She was fortunate to receive emotional and financial support from several parties.

"Other than the help given by our extended families, we are also supported by a few organisations," said the 39-year old housewife.

These include the Social Service Office (SSO) and the Islamic Religious Council of Singapore (MUIS) that provided assistance in the form of cash to help tide the family over during difficult times.

This year, one of her children who will be taking Primary School Leaving Examination (PSLE) also benefited from the sponsored tuition provided by ISCOS ReGen Fund (IRF).

Her husband who was released since 2016 and currently working in the field of cargo handling has also received subsidy to obtain the licence for lorry crane.

"Thankfully I have witnessed many positive changes in my husband over the past two years and since then, we are grateful to be able to celebrate Hari Raya as a complete family," said Lin, who was also caring for her 17-year old child who has special needs.

Their family was among the 60 ex-offenders and their family members invited to a breaking of fast event organised by IRF.

The event is part of the initiative under Fairy Godparent Programme (FGP), run by IRF.

The sponsored event at Fika Swedish Café and Bistro at Beach Road was also graced by Special Guest, Mr Amrin Amin (Senior Parliamentary Secretary, Ministry of Home Affairs and Ministry of Health).

"It is important for families and communities to come together as one and support each other in times of need.

This is especially crucial for individuals who are rebuilding their lives and future with their loved ones, all the more so during the holy month of Ramadan," commented Mr Amrin.

Mr Alex Yeo, Chairman of IRF Management Board said, "This is our first Breaking of Fast event with the beneficiaries. As a new charity fund set up to support families, children and members of the ex-offenders' community, we hope that that the families can enjoy the celebrations like any other families in Singapore. In short, we wish to bring some festive cheer to these under our care."

Every family also received cash, vouchers and over \$100 worth of goodies during the event.

This event is organised for beneficiaries under the Fairy Godparent Programme (FGP) to promote familial and community bonding, especially for those celebrating Ramadan for the first time after their release.

Through this new initiative, IRF hopes that the families can enjoy the celebrations like any other families in Singapore.

On average, the FGP reaches out to 350 children and 100 families every year. IRF was officially recognised as an Institute of Public Character (IPC) on March 15.